



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KEJAYAAN MENJALANKAN PROCEDURE IMPLANTATION OF LEFT VENTRICULAR ASSIST DEVICE (LVAD) YANG PERTAMA DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Serdang, 18 Disember 2025 — Hospital Sultan Idris Shah (HSIS), Serdang mencipta sejarah apabila berjaya melaksanakan implantasi pertama Left Ventricular Assist Device (LVAD) dalam sistem kesihatan awam di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 10 Disember 2025.

Kejayaan berimpak tinggi ini menandakan satu lonjakan besar dalam keupayaan perkhidmatan kesihatan awam negara, khususnya dalam penyediaan rawatan jantung lanjutan berteknologi tinggi dan berkompleksiti tinggi mengikut piawaian antarabangsa.

LVAD merupakan peranti sokongan peredaran mekanikal yang membantu fungsi jantung mengepam darah ke seluruh tubuh, khususnya bagi pesakit kegagalan jantung tahap akhir. Teknologi ini terbukti meningkatkan kadar kelangsungan hidup serta kualiti hidup pesakit, dan kini boleh diakses oleh rakyat Malaysia melalui KKM di HSIS.

Pesakit telah menerima peranti HeartMate 3, antara peranti LVAD paling canggih di dunia ketika ini. Keseluruhan rawatan dan prosedur ini disediakan secara percuma sepenuhnya di bawah KKM dengan sokongan penuh Kerajaan MADANI, sekali gus mencerminkan komitmen kerajaan dalam memastikan akses rawatan kesihatan bertaraf dunia yang adil dan saksama untuk rakyat.

Kejayaan Pasukan Pelbagai Disiplin

Rawatan kegagalan jantung lanjutan di HSIS diterajui oleh Pasukan Kegagalan Jantung (Heart Failure Team) yang merangkumi pakar kardiologi, pakar bedah kardiotorasik, pakar anestesia jantung, perfusionis, pasukan rehabilitasi jantung, pasukan kawalan infeksi serta ahli farmasi.

Pasukan ini telah menjalani latihan intensif dan persiapan rapi melebihi setahun, dengan bimbingan serta sokongan teknikal berterusan daripada proktor antarabangsa dari Singapura yang berpengalaman luas dalam terapi kegagalan jantung lanjutan.

Latar Belakang Klinikal Pesakit

Pesakit yang berusia 57 tahun telah dimasukkan ke hospital sejak pertengahan September 2025 akibat kegagalan jantung akut berulang. Walaupun rawatan perubatan maksimum telah diberikan, keadaan pesakit tidak menunjukkan penambahbaikan dan bergantung sepenuhnya kepada sokongan inotropik untuk kelangsungan hidup.

Selepas penilaian klinikal menyeluruh oleh pasukan pelbagai disiplin, pesakit disahkan layak untuk menjalani implantasi LVAD sebagai rawatan sokongan jangka panjang.

Pusat Jantung Serdang Perkukuh Keupayaan Nasional

Pusat Jantung Serdang terus memperkukuh peranannya sebagai pusat rujukan utama rawatan jantung dan torasik negara. Pusat Jantung Hospital Sultan Idris Shah (HSIS), Serdang kini menyumbang kira-kira **40% daripada keseluruhan beban kerja intervensi kardiologi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).**

- 2023: 1,209 pembedahan kardiotorasik
- 2024: 1,314 pembedahan
- 2025 (sehingga kini): 1,503 pembedahan

Jabatan Kardiologi pada tahun lalu telah melaksanakan sebanyak 10,131 prosedur angiogram koronari, termasuk 5,945 prosedur PCI primer, menunjukkan peningkatan berbanding 8,700 prosedur angiogram koronari pada tahun 2023. Bagi tahun 2025 setakat ini, sebanyak 9,009 prosedur angiogram koronari telah direkodkan.

Selain itu, Unit Elektrofisiologi, Jabatan Kardiologi telah melaksanakan sebanyak 1,445 prosedur sehingga kini bagi rawatan heart rhythm, serta berjaya melaksanakan 57 prosedur Transcatheter Aortic Valve Implantation (TAVI) bagi pesakit berisiko tinggi yang tidak sesuai menjalani pembedahan jantung.

Sebagai kesinambungan kejayaan ini, HSIS komited membangunkan program terapi kegagalan jantung lanjutan secara mampan melalui latihan berstruktur kepada pegawai perubatan dan anggota kesihatan bersekutu.

HSIS menjangkakan sekurang-kurangnya dua implantasi LVAD dapat dilaksanakan pada tahun hadapan, dengan sasaran peningkatan kepada empat pesakit setahun menjelang 2027.

— TAMAT —

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

